- 3.3 Pemilik sijil dan/atau orang yang diinsuranskan mesti memaklumkan kami sebarang perubahan berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam jawapan atau sebarang perkara yang sebelum ini didedahkan kepada kami berhubung dengan sijil insurans ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas pemilik sijil dan/atau orang yang diinsuranskan mengemukakan cadangan bagi perubahan tetapi sebelum sijil insurans diubah.

4. Kelayakan

- 4.1 Orang yang layak untuk perlindungan insurans ini adalah pelanggan terpilih pemegang polisi induk.

5. Tempoh perlindungan

- 5.1 Perlindungan insurans untuk orang yang diinsuranskan akan berkuatkuasa dari tarikh sijil berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans dengan syarat bahawa bayaran penuh premium telah dibuat kepada kami.

6. Tempoh semakan percuma

- 6.1 Sekiranya pemilik sijil membuat keputusan untuk tidak mengambil perlindungan insurans ini atas apa jua sebab selepas ia telah dikeluarkan, pemilik sijil boleh mengembalikan sijil insurans kepada kami untuk pembatalan dengan memberi notis bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran sijil insurans.
- 6.2 Kami akan membayar balik premium yang telah dibayar kepada pemilik sijil.

7. Salah nyata umur

- 7.1 Sijil dikeluarkan untuk umur orang yang diinsuranskan seperti yang tertera di dalam sijil insurans, berdasarkan tarikh lahir yang diakui semasa pendaftaran. Kami memerlukan bukti umur orang yang diinsuranskan sebelum kami membayar sebarang manfaat.
- 7.2 Jika umur orang yang diinsuranskan telah tersalah nyata dan adalah dalam had penerimaan kami, kami akan membuat penyelarasan seperti berikut:
 - a) Jika premium berdasarkan umur orang yang diinsuranskan yang betul adalah lebih tinggi berbanding dengan premium yang dibayar, kami mungkin akan proratakan manfaat-manfaat yang akan dibayar berdasarkan pada nisbah premium sebenar yang telah dibayar dengan premium betul yang perlu dibayar oleh orang yang diinsuranskan berdasarkan tarikh lahir dan/atau umur yang betul; atau

- b) Jika premium berdasarkan umur orang yang diinsuranskan yang betul adalah lebih rendah berbanding dengan premium yang dibayar, kami akan mengembalikan perbezaan kepada pemilik sijil.

Sekiranya tersalah nyata umur telah menyebabkan orang yang diinsuranskan tidak layak untuk perlindungan insurans, jumlah manfaat yang akan dibayar hanya adalah terhad kepada jumlah premium yang dibayar dari tarikh berkuatkuasa sijil dan sijil akan ditamatkan.

8. Klausula perihal tidak boleh dipertikaikan

- 8.1 Jika sijil insurans tidak lagi sah, atas sebab selain daripada penipuan, kami akan membayar balik jumlah premium yang dibayar dari tarikh berkuatkuasa sijil.
- 8.2 Kami tidak boleh mempertikaikan sijil insurans ini selepas ia telah berkuatkuasa selama 2 tahun dari tarikh berkuatkuasa sijil, kecuali terdapat bukti penipuan atau apabila pemilik sijil tidak membayar premium. Jika sijil insurans ini telah ditamatkan akibat pemilik sijil tidak membayar premium dan kami telah menguatkuasakannya semula di bawah klausula 20, maka ia akan tertakluk kepada klausula 20.

9. Kemampuan untuk melakukan perjalanan dan sebarang sekatan ke atas lokasi tempat kediaman orang yang diinsuranskan

- 9.1 Polisi induk ini tidak menyekat orang yang diinsuranskan daripada melakukan sebarang perjalanan dan tidak dijejaskan oleh lokasi tempat tinggal orang yang diinsuranskan.

10. Perubahan kepada polisi induk

- 10.1 Kami berhak meminda terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi induk ini bertujuan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan Malaysia. Kami akan memberi notis bertulis terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir anda yang diketahui dalam rekod kami atau kaedah komunikasi yang lain.
- 10.2 Permintaan pemilik sijil untuk apa-apa perubahan atau pengendorsan kepada polisi induk tidak akan sah kecuali jika kami benarkan dan kelulusan tersebut hendaklah diendorskan di bawah sijil insurans.

11. Tugas (pemindahan hak undang-undang)

- 11.1 Dari sisi undang-undang kami tidak akan menerima pemindahan polisi induk ini kecuali pemindahan itu berdaftar dengan kami.
- 11.2 Kami tidak mempunyai sebarang tanggungjawab mengenai kesahihan pemindahan jika anda membuat keputusan untuk memindah polisi induk ini.

12. Hak dan kegunaan amaun yang terhutang

- 12.1 Kami mempunyai keutamaan atas sebarang amaun terhutang di bawah sijil insurans.
- 12.2 Kami boleh mengimbangi sebarang amaun yang kami terhutang kepada pemilik sijil (sebagai contoh: manfaat) di bawah sijil insurans dengan sebarang amaun yang pemilik sijil hutang kepada kami (sebagai contoh: premium) di bawah sijil insurans ini.

13. Penyerahan sijil

- 13.1 Pemilik sijil boleh, pada bila-bila masa semasa hayat dia dan semasa sijil insurans berkuatkuasa, boleh menyerahkan sijil dengan memberi notis bertulis dan mengembalikan sijil insurans kepada kami. Semua manfaat-manfaat dan hak-hak di bawah sijil insurans akan tamat pada ulang tahun premium patut dibayar selepas menerima notis tersebut.
- 13.2 Disebabkan sijil insurans tidak mempunyai nilai tunai, kami tidak akan membayar sebarang nilai tunai semasa penyerahan sijil insurans.
- 13.3 Klausula 6 akan dikuatkuasakan jika pemilik sijil menyerahkan sijil insurans dalam tempoh semakan percuma.
- 13.4 Jika pemilik sijil menyerahkan sijil insurans selepas tempoh semakan percuma, premium yang dibayar tidak akan dipulangkan.

14. Penamatan

- 14.1 Polisi induk akan tamat pada tarikh tamat sijil insurans terakhir yang dikeluarkan di bawah polisi induk ini.
- 14.2 Sijil insurans akan tamat secara automatik di bawah keadaan berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
 - e) Apabila sijil insurans diserahkan;
 - f) Pada ulang tahun sijil sejurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
 - g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

15. Undang-undang

- 15.1 Polisi induk ini dan tanggungjawab kami di bawah polisi induk ini adalah tertakluk kepada undang-undang, syarat-syarat, peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di Malaysia. Undang-undang, syarat-syarat dan peraturan-peraturan akan meliputi tetapi tidak terhad kepada mana-mana pekeliling, arahan atau garis panduan.
- 15.2 Sekiranya terdapat perbezaan antara peruntukan-peruntukan polisi induk ini dengan mana-mana undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan, undang-undang, syarat-syarat atau peraturan-peraturan tersebut akan dikuatkuasakan.
- 15.3 Polisi induk ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian akan diuruskan oleh mahkamah Malaysia.

16. Tindakan undang-undang

- 16.1 Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti akan diambil untuk menuntut sebarang manfaat di bawah polisi induk ini sebelum penamatan tempoh 2 tahun dari tarikh berlakunya keadaan yang menyebabkan tuntutan.

17. Cukai

- 17.1 Semua cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai barangan dan perkhidmatan, dan/atau lain-lain bentuk cukai jualan atau kepenggunaan, sama ada yang berkuatkuasa pada masa ini atau dilaksanakan selepas tarikh sijil insurans akan dikenakan mengikut undang-undang yang berkenaan pada kadar semasa. Jika perlu, kami akan meminda terma-terma polisi induk ini untuk mengambil kira cukai-cukai sedemikian.

18. Bayaran premium dan tempoh tenggang

- 18.1 Bayaran premium
Semua premium perlu dibayar pada atau sebelum tarikh premium patut dibayar (seperti yang tertera di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan pada masa hadapan yang meminda tarikh premium patut dibayar) terus kepada kami.
- 18.2 Penukaran kekerapan bayaran premium
Tertakluk kepada kelulusan daripada kami, pemilik sijil boleh meminda kekerapan bayaran premium dengan memberi notis secara bertulis kepada kami sebelum tempoh tenggang tamat.
- 18.3 Tempoh tenggang
Jika pemilik sijil berhenti membayar premium, kami akan membenarkan tempoh tenggang selama 60 hari daripada tarikh premium patut dibayar untuk pembayaran sebarang premium. Sijil insurans ini masih berkuatkuasa dalam tempoh tersebut. Sijil insurans ini akan luput atau berhenti berkuatkuasa selepas tempoh tenggang.
- 18.4 Tuntutan manfaat
Jika kami telah meluluskan tuntutan di bawah sijil insurans ini, dan kejadian yang berlaku adalah dalam tempoh tenggang, kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami dan premium yang perlu dibayar setakat tarikh kejadian daripada manfaat yang perlu dibayar.

19. Nilai tunai

- 19.1 Sijil insurans tidak memperolehi sebarang nilai tunai.

20. Pengembalian semula sijil

- 20.1 Jika sijil insurans tamat, pemilik sijil boleh mengembalikan semula sijil tersebut dalam 12 bulan dari tarikh akhir premium yang perlu dibayar tetapi tidak dijelaskan, tertakluk kepada syarat berikut:
- a) melengkapkan dan menandatangani borang pengembalian semula;
 - b) memperakui dengan jujur dan benar kesemua fakta yang terdapat di dalam borang pengembalian semula;

- c) menyediakan semua maklumat (jika ada) yang telah kami minta;
 - d) membayar semua premium tertunggak yang kami tentukan; dan
 - e) sebarang terma dan syarat lain yang mungkin kami kenakan pada masa pengembalian semula.
- 20.2 Kami bergantung kepada kebenaran kenyataan yang dibuat di dalam borang pengembalian semula, perakuan, kenyataan peribadi dan sebarang kenyataan lain yang dibuat kepada pemeriksa perubatan kami, soal-selidik, pengendorsan atau pindaan bertulis.
- 20.3 Jika kami mendapat tahu terdapat sebarang maklumat yang tidak benar atau disembunyikan, kami akan mengeneipkan (dan seterusnya menamatkan) sijil yang dikembalikan semula ini. Kami hanya boleh melakukannya dalam masa 2 tahun pertama selepas pengembalian semula sijil, kecuali kami dapat membuktikan berlaku penipuan atau pemilik sijil gagal membayar premium.
- 20.4 Jika kami mengeneipkan mana-mana sijil yang dikembalikan semula (atas sebab selain daripada penipuan), kami akan memulangkan jumlah premium yang dibayar dari tarikh pengembalian semula terakhir.
- 20.5 Kami tidak akan memberi perlindungan insurans di bawah sijil insurans untuk tempoh di antara tarikh sijil diluluskan dan tarikh kami meluluskan pengembalian semula tersebut.

21. Pembaharuan bersyarat

- 21.1 Manfaat-manfaat tambahan tidak termasuk 3 penyakit kritikal (CI) akan diperbaharui setiap tahun tertakluk kepada bayaran premium dalam tempoh tenggang dan terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi induk ini.
- 21.2 Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan semasa pembaharuan. Polisi induk dan sijil insurans ini akan terus digunakan.
- 21.3 Kadar premium pembaharuan untuk manfaat-manfaat utama dan tambahan adalah tidak terjamin. Kami berhak untuk menyemak kadar premium pada tarikh ulang tahun sijil seterusnya dengan memberi notis bertulis 90 hari lebih awal kepada anda dan pemilik sijil. Sebarang perubahan dalam kadar premium tersebut, jika ada, akan sah ke atas semua pemilik-pemilik sijil tanpa mengambilkira pengalaman tuntutan individu.
- 21.4 Kami tidak akan memperbaharui manfaat-manfaat tambahan tidak termasuk manfaat 3 penyakit kritikal (CI) jika kami mengambil keputusan untuk menamatkan pengurusan manfaat-manfaat tambahan sebagaimana dinyatakan di bawah klausa 22.

22. Syarat penarikan balik produk

- 22.1 Kami berhak untuk membatalkan manfaat-manfaat tambahan tidak termasuk manfaat 3 penyakit kritikal (CI) di bawah polisi induk ini jika kami mengambil keputusan untuk menamatkan pengurusan dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 60 hari lebih awal kepada anda dan pemilik sijil.
- 22.2 Perlindungan manfaat-manfaat tambahan tidak termasuk 3 CI, tertakluk pada bayaran premium dalam tempoh tenggang, akan berterusan sehingga tarikh premium patut dibayar yang akan datang selepas tempoh notis.

22.3 Pembatalan apa-apa manfaat tambahan, jika ada, tidak akan menjejaskan perlindungan untuk manfaat-manfaat utama dan manfaat 3 CI dan perlindungan tersebut akan terus terpakai.

23. Hak milik

23.1 Anda adalah pemilik sah polisi induk ini.

23.2 Anda boleh menggunakan semua hak dan pilihan yang disediakan oleh polisi induk ini (bergantung kepada hak sebarang penama atau penerima pindahan polisi ini yang sah di sisi undang-undang).

24. Penama

24.1 Pemilik sijil yang telah mencapai umur 16 tahun, boleh menamakan seseorang atau syarikat pemegang amanah yang berdaftar untuk menerima wang yang patut dibayar ke atas kematiannya di bawah sijil insurans. Penamaan boleh dibuat semasa pendaftaran sijil atau pada bila-bila masa selepas sijil insurans dikeluarkan.

24.2 Penama yang dinamakan di dalam borang penamaan atau apa-apa pindaan yang pemilik sijil buat pada masa hadapan, akan menerima manfaat kematian mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Undang-undang pusaka Islam (Faraid), yang mana berkenaan. Pemilik sijil boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Notis bertulis hendaklah diterima dan didaftarkan oleh kami semasa hayat orang yang diinsuranskan. Pembatalan dan perubahan penama akan berkuatkuasa dari tarikh kami menerima notis bertulis tersebut.

25. Notis tuntutan

25.1 Pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil mestilah memberi notis bertulis mengenai tuntutan di ibu pejabat kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.

26. Bukti tuntutan

26.1 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan kepada kami dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh pemberian notis tuntutan kepada kami atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sah pemilik sijil.

26.2 Kami berhak untuk meminta sebarang dokumen (dokumen-dokumen) tambahan lain sekiranya perlu untuk menyokong tuntutan.

26.3 Kami berhak untuk meminta orang yang diinsuranskan untuk menjalani pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa yang berkeelayakan dari segi undang-undang dan yang kami lantik, atas perbelanjaan kami, untuk menyokong tuntutan.

27. Membayar manfaat-manfaat

27.1 Kami akan membayar manfaat-manfaat insurans yang berkenaan di bawah sijil insurans kepada pemilik sijil menurut peruntukan manfaat yang terkandung di sini.

27.2 Manfaat-manfaat insurans yang berkenaan dengan orang yang diinsuranskan adalah ditentukan berdasarkan sijil insuranskan yang dikeluarkan bagi orang yang diinsuranskan tersebut.

28. Duti setem

28.1 Duti setem sebanyak RM10 akan ditanggung oleh kami.

Peruntukan manfaat – Kematian akibat semua sebab

1. Kematian akibat semua sebab

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang diinsuranskan akibat semua sebab dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat tambahan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Manfaat kematian tidak akan dibayar jika orang yang diinsuranskan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras) atau meninggal dunia disebabkan oleh keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan dari tarikh berkuatkuasa sijil atau tarikh pengembalian semula sijil, yang mana terkemudian. Dalam kes ini, sijil akan ditamatkan dan jumlah premium yang dibayar akan dikembalikan.

3. Prosedur tuntutan

- 3.1 Bukti kematian yang memuaskan perlu dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas tarikh kematian tersebut. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan menyebabkan tuntutan tersebut tidak sah jika ia dapat ditunjukkan bahawa secara munasabah tidak mungkin untuk memberikan notis tersebut dan notis telah diberikan dengan segera dalam masa yang munasabah.
- 3.2 Kami akan menyediakan borang tuntutan yang sewajarnya kepada penuntut semasa pemberitahuan tuntutan. Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 3.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang kami perlukan.

4. Penamatan perlindungan

- 4.1 Perlindungan orang yang diinsuranskan akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;

- e) Apabila sijil insurans diserahkan;
- f) Pada ulang tahun sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
- g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat – Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat semua sebab

1. Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat semua sebab

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai TPD (seperti ditakrifkan) orang yang diinsuranskan akibat semua sebab dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terutang kepada kami dan sebarang jumlah yang telah dibayar sebelumnya di bawah manfaat tambahan jenis dipercepatkan (yang mana berkaitan).
- 1.3 Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang dibayar kepada orang yang diinsuranskan di bawah sijil ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.4 Jika manfaat TPD yang dibayar adalah kurang daripada jumlah yang diinsuranskan bagi manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan insurans atas kematian akan diteruskan untuk baki jumlah yang diinsuranskan. Jumlah yang diinsuranskan bagi manfaat kematian untuk sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah manfaat yang telah dibayar bagi manfaat TPD setelah tuntutan TPD diluluskan. Pengurangan dalam jumlah yang diinsuranskan bagi manfaat kematian akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.
- 1.5 Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar selepas kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Sijil insurans seterusnya akan ditamatkan.
- 1.6 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini untuk orang yang diinsuranskan sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupakan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Tiada manfaat akan dibayar jika TPD orang yang diinsuranskan adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Keadaan sedia ada dalam tempoh 12 bulan pertama dari tarikh berkuatkuasa sijil insurans atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian;
 - b) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi yang berkaitan dengan AIDS, atau orang yang diinsuranskan dijangkiti Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);
 - c) Berada di bawah pengaruh dadah, sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;
 - d) Perbuatan jenayah, terlibat dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai pihak yang tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;

- e) Memasuki, mengendali atau menyelenggara, naik atau turun dari atau dengan menggunakan apa-apa peranti atau pengangkutan udara melainkan ketika orang yang diinsuranskan itu berada dalam sesebuah pesawat yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersil yang dalam perjalanan tetap berjadual membawa penumpang menggunakan laluan penumpangnya yang telah ditetapkan;
- f) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjunan bungee, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti di dalam air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- g) Berkhidmat secara aktif dalam tentera laut, tentera darat, tentera udara, perkhidmatan berkaitan kebakaran dan polis;
- h) Kecederaan ke atas diri sendiri atau bunuh diri, semasa waras atau tidak waras; atau
- i) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.

3. Prosedur tuntutan

- 3.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- 3.2 Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil yang sah.
- 3.3 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan berturut-turut.
- 3.4 Kami berhak untuk meminta orang yang diinsuranskan untuk menjalankan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa berkeelayakan dari segi undang-undang yang kami lantik atas perbelanjaan kami untuk menyokong tuntutan TPD.

4. Penamatan perlindungan

- 4.2 Perlindungan orang yang diinsuranskan akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;

- e) Apabila sijil insurans diserahkan;
- f) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-65; atau
- g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat – Kematian akibat kemalangan

1. Kematian akibat kemalangan

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian orang yang diinsuranskan akibat kemalangan (seperti ditakrifkan) dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 1.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 1.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada kematian orang yang diinsuranskan berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian kemalangan yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiian atau secara sengaja;
 - b) Semasa atau kerana orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;
 - c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengepungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
 - d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
 - e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti di dalam air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
 - f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan professional dalam apa jua bentuk;
 - g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
 - h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;

- i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria; atau
- k) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.

3. Prosedur tuntutan

- 3.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan manfaat kematian.
- 3.2 Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 3.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang kami perlukan.

4. Penamatan perlindungan

- 4.1 Perlindungan orang yang diinsuranskan akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
 - e) Apabila sijil insurans diserahkan;
 - f) Pada ulang tahun sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
 - g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat – Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat kemalangan

1. Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat kemalangan

- 1.1. Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai TPD (seperti ditakrifkan) orang yang diinsuranskan akibat kemalangan dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 1.2. Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 1.3. Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada TPD orang yang diinsuranskan berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan.
- 1.4. Jumlah agregat maksimum untuk manfaat TPD yang dibayar kepada orang yang diinsuranskan di bawah sijil ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok lain yang kami keluarkan tidak akan melebihi RM2,000,000.
- 1.5. Jika manfaat TPD yang dibayar adalah kurang daripada jumlah yang diinsuranskan bagi manfaat kematian, pada tarikh TPD bermula, perlindungan insurans atas kematian akan diteruskan untuk baki jumlah yang diinsuranskan. Jumlah yang diinsuranskan bagi manfaat kematian untuk sepanjang tempoh masa hadapan akan dikurangkan selaras dengan nisbah manfaat yang telah dibayar bagi manfaat TPD setelah tuntutan TPD diluluskan. Pengurangan dalam jumlah yang diinsuranskan bagi manfaat kematian akan berkuatkuasa dari tarikh TPD bermula.
- 1.6. Jika orang yang diinsuranskan meninggal dunia sebelum manfaat TPD dibayar, manfaat kematian akan dibayar selepas kami telah menerima dokumen yang lengkap, dan manfaat TPD tidak akan dibayar. Sijil insurans seterusnya akan ditamatkan.
- 1.7. Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini untuk orang yang diinsuranskan sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupakan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

2. Pengecualian-pengecualian

- 2.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian kemalangan yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiannya atau secara sengaja;
 - b) Semasa atau kerana orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;
 - c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengepungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang

bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjerus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;

- d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
- e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti di dalam air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
- f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan professional dalam apa jua bentuk;
- g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria; atau
- k) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.

3. Prosedur tuntutan

- 3.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan manfaat TPD selepas tarikh ketidakupayaan tersebut.
- 3.2 Bukti TPD yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil yang sah.
- 3.3 Kami tidak akan mempertimbangkan sebarang ketidakupayaan yang berlangsung kurang daripada 6 bulan berturut-turut.
- 3.4 Kami berhak untuk meminta orang yang diinsuranskan untuk menjalankan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa oleh pemeriksa berkeelayakan dari segi undang-undang yang kami lantik atas perbelanjaan kami untuk menyokong tuntutan TPD.

4. Penamatan perlindungan

- 4.1 Perlindungan orang yang diinsuranskan akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana kejadian yang berikut:
- a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
 - e) Apabila sijil insurans diserahkan;
 - f) Pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-65; atau
 - g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat – Diskaun tiada tuntutan

1. Diskaun tiada tuntutan

- 1.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah dikesan dan disahkan bahawa tiada tuntutan dibuat ke atas setiap orang yang diinsuranskan bagi 1 tahun sijil penuh, kami akan memberi diskaun 20% ke atas kadar premium, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, untuk semua premium yang perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut.
- 1.2 Kelayakan diskaun tiada tuntutan ini bukan kumulatif dan tertakluk kepada diskaun maksimum sebanyak 20%. Kelayakan pertama untuk manfaat ini (jika ada) hanya akan diberi bermula dari tarikh ulang tahun sijil yang kedua.
- 1.3 Kelayakan diskaun tiada tuntutan akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut, sekiranya terdapat sebarang tuntutan diluluskan dalam skim.

Peruntukan manfaat tambahan – Perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat kemalangan

1. Takrifan

- 1.1 Dalam manfaat tambahan ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:
- a) **Hilang upaya** bermaksud kesakitan, jangkitan, penyakit atau kecederaan yang timbul akibat punca atau siri punca-punca yang berterusan.
 - b) **Doktor** atau **pakar perubatan** atau **pakar bedah** bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang mana sewaktu menjalankan rawatan, mengamalkan menurut skop lesen dan latihan beliau di kawasan amalannya, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan sendiri.
 - c) **Hospital** hanya bermaksud sebuah pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit-katil yang membayar, dan yang mana:
 - i) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
 - ii) menyediakan khidmat penjagaan 24 jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan telah tamat pengajiannya;
 - iii) adalah di bawah pengawasan pakar perubatan; dan
 - iv) terutamanya bukan klinik, tempat untuk orang yang ketagihan alkohol atau dadah; pusat penjagaan, rumah rehat atau pemulihan, atau rumah untuk orang tua atau pertubuhan yang seumpamanya.
 - d) **Kemasukan hospital** bermaksud kemasukan ke hospital sebagai pesakit dalam wad yang didaftar untuk rawatan yang diperlukan dari segi perubatan ke atas hilang upaya yang dilindungi selepas dicadangkan oleh pakar perubatan. Seseorang pesakit tidak akan dianggap sebagai pesakit dalam wad jika pesakit tidak tinggal di hospital secara fizikal bagi tempoh keseluruhan kemasukannya.
 - e) **Pesakit dalam wad** bermaksud orang yang diinsuranskan dimasukkan ke hospital dan menginap semalaman untuk menerima rawatan.
 - f) **Kecederaan** bermaksud kecederaan tubuh yang hanya disebabkan oleh kemalangan.
 - g) **Diperlukan dari segi perubatan** bermaksud khidmat perubatan yang:
 - i) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk hilang upaya yang dilindungi;
 - ii) selaras dengan piawaian amalan perubatan yang baik, konsisten dengan piawaian semasa penjagaan perubatan profesional dan manfaat perubatan yang terbukti;
 - iii) bukan untuk keselesaan orang yang diinsuranskan atau doktor, dan tidak boleh dilakukan dengan sewajarnya di luar hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam wad);

- iv) bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau saringan; dan
 - v) yang mana caj dikenakan adalah wajar dan berpatutan serta lazim untuk hilang upaya.
- h) **Pesakit luar** bermaksud orang yang diinsuranskan yang sedang menerima penjagaan atau rawatan perubatan tanpa dimasukkan ke hospital dan termasuk rawatan di pusat jagaan harian.
- i) **Caj-caj yang berpatutan dan lazim** bermaksud caj-caj yang diperlukan dari segi perubatan untuk penjagaan dan perkhidmatan yang kami anggap berpatutan dan lazim setakat ia tidak melebihi tahap umum bayaran yang dikenakan oleh pembekal jagaan dan perkhidmatan yang seumpama di Malaysia yang mana caj dikenakan, apabila memberi rawatan yang sama atau setara, perkhidmatan atau bekalan kepada individu dengan jantina yang sama dan umur yang setara untuk penyakit atau kecederaan yang sama dan selaras dengan piawai perubatan dan amalan yang diterima dan tidak boleh diabaikan tanpa menjejaskan keadaan perubatan orang yang diinsuranskan.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

- 2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

- 3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan bahawa rawatan perubatan dan pembedahan oleh doktor atau pakar bedah yang diperlukan adalah disebabkan secara langsung oleh kecederaan tubuh akibat kemalangan yang dialami oleh orang yang diinsuranskan dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar balik perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang ditanggung untuk rawatan tersebut, caj hospital/pembedahan, caj bilik bedahan, caj pakar bius, yuran doktor, yuran pakar bedah dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan perubatan atau pembedahan sahaja, tertakluk kepada jumlah maksimum seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 3.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
- a) kemalangan berlaku dan rawatan perubatan dan pembedahan diterima sewaktu sijil insurans berkuatkuasa;
 - b) rawatan perubatan dan pembedahan dilakukan ke atas orang yang diinsuranskan oleh doktor atau pakar bedah dari klinik/hospital berdaftar;
 - c) rawatan perubatan pertama diterima dalam masa 48 jam selepas kemalangan dan rawatan selanjutnya (jika ada) diterima dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan;
 - d) rawatan pembedahan diterima dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan;
 - e) rawatan perubatan dan pembedahan adalah diperlukan dari segi perubatan; dan

- f) perbelanjaan perubatan dan pembedahan yang ditanggung adalah caj-caj yang berpatutan dan lazim.
- 3.4 Sekiranya perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat kemalangan tersebut, sebagaimana mungkin terjadi, telah dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh pihak lain, kami hanya akan membayar jumlah baki selain daripada jumlah yang telah dibayar oleh pihak yang ketiga tersebut.
 - 3.5 Semua tuntutan mestilah disertakan bukti dan disokong oleh bil dan resit asal.
 - 3.6 Manfaat ini bukan kumulatif; walau bagaimanapun, manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulang tahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi induk ini.
 - 3.7 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

4. Pengecualian-pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian kemalangan yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiannya atau secara sengaja;
 - b) Semasa atau kerana orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;
 - c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengepungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
 - d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
 - e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti di dalam air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
 - f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk;
 - g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;

- h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria; atau
- k) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Orang yang diinsuranskan dalam tempoh 30 hari hilang upaya yang menanggung perbelanjaan yang boleh dituntut, memberi notis bertulis kepada kami dengan kenyataan penuh mengenai kejadian tersebut, termasuk semua bil dan resit yang asal, dan laporan penuh pakar perubatan. Kegagalan untuk mengemukakan notis sedemikian dalam tempoh yang diberikan tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika dapat ditunjukkan bahawa adalah tidak mungkin untuk mengemukakan notis dan notis tersebut telah dikemukakan dengan secepat mungkin.

6. Tuntutan yang tidak lengkap

- 6.1 Semua tuntutan mesti dikemukakan kepada kami dalam tempoh 30 hari selepas berlakunya kejadian di mana tuntutan akan dibuat. Tuntutan dianggap tidak lengkap dan manfaat yang layak tidak akan dibayar kecuali semua bil bagi tuntutan tersebut telah dikemukakan dan telah kami persetujui. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang perbezaan atau pengecualian bagi perkara di atas akan mengikut budi bicara kami.

7. Pengesahan, maklumat dan bukti

- 7.1 Semua sijil, maklumat, laporan perubatan dan bukti yang kami perlukan akan dikemukakan kepada kami atas perbelanjaan orang yang diinsuranskan, dan dalam bentuk yang kami perlukan. Sekiranya kami perlukan notis daripada orang yang diinsuranskan, ia perlulah diberi secara bertulis dan dialamatkan kepada kami. Orang yang diinsuranskan, atas permintaan dan perbelanjaan kami, mengemukakan kepada kami keputusan pemeriksaan perubatan pada bila-bila masa apabila diperlukan.

8. Membayar manfaat

- 8.1 Jika orang yang diinsuranskan mempunyai insurans lain yang melindungi sebarang kecederaan yang diinsuranskan di bawah manfaat tambahan ini, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas perkadaran bagi kecederaan tersebut yang melebihi jumlah yang dikenakan di bawah manfaat tambahan ini kepada jumlah agregat insurans yang sah yang melindungi kecederaan sedemikian.

9. Penamatan manfaat

- 9.1 Manfaat ini akan tamat dalam mana-mana keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;

- b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
- c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
- d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
- e) Apabila sijil insurans diserahkan;
- f) Pada ulang tahun sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
- g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – Sambutan meriah

1. Penguatkuasaan manfaat tambahan

- 1.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

2. Deskripsi manfaat

- 2.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan mengenai mana-mana sambutan meriah untuk orang yang diinsuranskan dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
 - 2.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
 - 2.3 Sambutan meriah termasuk:
 - a) kelahiran cahaya mata;
 - b) perkahwinan yang sah; dan
 - c) membeli harta kediaman*
- *Harta kediaman bermaksud mengandungi sama ada satu keluarga atau struktur pelbagai keluarga yang tersedia untuk pekerjaan bagi tujuan bukan perniagaan.
- 2.4 Semua tuntutan mestilah disertakan bukti dan disokong dengan dokumen.
 - 2.5 Manfaat ini hanya akan dibayar untuk setiap satu sambutan meriah sahaja dan akan habis selepas tuntutan dibuat.
 - 2.6 Sebarang tuntutan untuk manfaat ini tidak akan menjejaskan hak diskaun tiada tuntutan (NCD).

3. Prosedur tuntutan

- 3.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis mengenai tuntutan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.
- 3.2 Bukti tuntutan yang memuaskan mestilah diberikan kepada kami atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil sahnyanya.

4. Tempoh menunggu

- 4.1 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
 - a) tuntutan sambutan meriah yang pertama adalah selepas tempoh menunggu selama 10 bulan dari tarikh berkuatkuasa yang dinyatakan dalam sijil insurans; dan

- b) tuntutan sambutan meriah yang berikutnya mesti selepas tempoh menunggu 10 bulan dari tuntutan sambutan meriah yang sebelumnya.

5. Penamatan manfaat

5.1 Manfaat ini akan tamat dalam mana-mana keadaan terawal yang berikut:

- a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
- b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
- c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
- d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
- e) Apabila sijil insurans diserahkan;
- f) Pada ulang tahun sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70;
- g) Setelah membayar 3 sambutan meriah yang dilindungi; atau
- h) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – 3 penyakit kritikal (CI)

1. Takrifan

1.1 Dalam manfaat tambahan ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:

- a) **Tempoh penilaian** bermaksud tempoh yang mana penanggung insurans akan menilai keadaan sebelum menentukan sama ada keadaan tersebut layak atau tidak dikira sebagai kekal. Tempoh penilaian adalah untuk jangka masa tempoh minimum yang dinyatakan dalam definisi yang berkaitan dan tidak akan lebih daripada 12 bulan (dengan syarat segala bukti yang diperlukan telah diserahkan).
- b) **Kekal** bermaksud dijangka untuk kekal seumur hidup orang yang diinsuranskan.
- c) **Defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan** bermaksud simptom disfungsi dalam sistem saraf yang didapati semasa pemeriksaan klinikal dan dijangka kekal seumur hidup orang yang diinsuranskan. Simptom-simptom yang dilindungi termasuk kebas, lumpuh, kelemahan setempat, dysarthria (kesukaran bertutur), aphasia (ketidakupayaan bertutur), dysphagia (kesukaran menelan), kecacatan visual, kesukaran berjalan, kekurangan koordinasi, tremor, sawan, demensia, delirium dan koma.
- d) **3 penyakit kritikal (CI)** merujuk kepada:
 - i) **Kanser** – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
 - Semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - Pra-malignan;
 - Bukan invasif;
 - Karsinoma in situ;
 - Mempunyai malignan pinggiran (*borderline*); atau
 - Mempunyai potensi malignan.
 - Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
 - Semua kanser dengan kewujudan HIV; dan
 - Sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.
 - ii) **Kegagalan buah pinggang** – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

iii) **Strok/Angin ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan**

Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh penilaian minimum selama 3 bulan adalah digunakan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- Serangan iskemia sementara (TIA);
- Simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migrain;
- Kecederaan traumatik pada tisu otak atau salur-salur darah; dan
- Penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi-fungsi vestibular.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

- 2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

- 3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang diinsuranskan telah didiagnosis dengan kanser, kegagalan buah pinggang atau strok/angin ahmar dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 3.3 Manfaat 3 CI yang telah dibayar akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan untuk manfaat Kematian/TPD akibat semua sebab. Jika manfaat 3 CI yang telah dibayar adalah bersamaan dengan 100% jumlah yang diinsuranskan untuk manfaat Kematian/TPD akibat semua sebab, sijil insurans akan ditamatkan.
- 3.4 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

4. Pengecualian-pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kanser, kegagalan buah pinggang atau strok/angin ahmar disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:
- a) Keadaan kongenital;
 - b) Penyakit (penyakit-penyakit) akibat daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), kompleks yang berkaitan AIDS atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV);

- c) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjunan bungee, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti di dalam air, atau sebarang bentuk perlumbaan kecuali perlumbaan kaki;
- d) Keadaan sedia ada;
- e) Kecederaan ke atas diri sendiri secara sengaja sama ada waras atau tidak waras;
- f) Penyalahgunaan alkohol atau dadah dengan sengaja; atau
- g) Dalam tempoh menunggu selama 30 hari kecuali untuk Kanser yang tertakluk kepada 60 hari dari tarikh berkuatkuasa sijil atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian.

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis kepada kami untuk membuat tuntutan dalam hayat orang yang diinsuranskan dalam tempoh 30 hari selepas tarikh diagnosis penyakit kritikal yang dilindungi.
- 5.2 Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 5.3 Sebagai sebahagian daripada memberi bukti kepada kami, kami mungkin memerlukan orang yang diinsuranskan diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami. Kami akan membayar untuk pemeriksaan perubatan ini. Kami akan memberitahu orang yang diinsuranskan jika ini diperlukan.
- 5.4 Kami hanya akan dapat menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang kami perlukan.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan tamat dalam mana-mana keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
 - e) Apabila sijil insurans diserahkan;
 - f) Pada ulang tahun sijil sejurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70;
 - g) Setelah membayar mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi; atau
 - h) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – Pendapatan hospital harian akibat kemalangan

1. Takrifan

1.1 Dalam manfaat tambahan ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:

- a) **Doktor** atau **pakar perubatan** atau **pakar bedah** bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang mana sewaktu menjalankan rawatan, mengamalkan menurut skop lesen dan latihan beliau di kawasan amalannya, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan sendiri.
- b) **Hospital** hanya bermaksud sebuah pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit-katil yang membayar, dan yang mana:
 - i) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
 - ii) menyediakan khidmat penjagaan 24 jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan telah tamat pengajiannya;
 - iii) adalah di bawah pengawasan pakar perubatan; dan
 - iv) terutamanya bukan klinik, tempat untuk orang yang ketagihan alkohol atau dadah; pusat penjagaan, rumah rehat atau pemulihan, atau rumah untuk orang tua atau pertubuhan yang seumpamanya.
- c) **Kemasukan hospital** bermaksud kemasukan ke hospital sebagai pesakit dalam wad yang didaftar untuk rawatan yang diperlukan dari segi perubatan ke atas hilang upaya yang dilindungi selepas dicadangkan oleh pakar perubatan. Seseorang pesakit tidak akan dianggap sebagai pesakit dalam wad jika pesakit tidak tinggal di hospital secara fizikal bagi tempoh keseluruhan kemasukannya.
- d) **Diperlukan dari segi perubatan** bermaksud khidmat perubatan yang:
 - i) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk hilang upaya yang dilindungi;
 - ii) selaras dengan piawaian amalan perubatan yang baik, konsisten dengan piawaian semasa penjagaan perubatan profesional dan manfaat perubatan yang terbukti;
 - iii) bukan untuk keselesaan orang yang diinsuranskan atau doktor, dan tidak boleh dilakukan dengan sewajarnya di luar hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam wad);
 - iv) bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau saringan; atau
 - v) yang mana caj dikenakan adalah wajar dan berpatutan serta lazim untuk hilang upaya.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kemasukan hospital (seperti ditakrifkan) orang yang diinsuranskan disebabkan secara langsung oleh kecederaan kemalangan dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau di dalam sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.

- 3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 3.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
- a) tempoh kemasukan hospital minimum adalah 6 jam;
 - b) kemasukan hospital berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan; dan
 - c) kemasukan hospital adalah diperlukan dari segi perubatan.
- 3.4 Manfaat ini akan dibayar setakat kemasukan hospital maksimum 60 hari setiap tahun sijil.
- 3.5 'Bilangan hari kemasukan hospital' adalah berdasarkan hari pihak hospital mengenakan caj. Sekiranya orang yang diinsuranskan pernah dimasukkan ke dua atau lebih hospital dalam satu hari calendar, kami, selepas kelulusan, akan membayar satu manfaat pendapatan hospital harian sahaja bagi setiap hari calendar kemasukan hospital.
- 3.6 Perlindungan termasuk mana-mana hospital swasta atau kerajaan, wad umum dan penjagaan khas.
- 3.7 Manfaat ini adalah tidak kumulatif. Walau bagaimanapun, manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi induk ini.
- 3.8 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkenaan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium yang perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

4. Pengecualian-pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian kemalangan yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:
- a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiannya atau secara sengaja;
 - b) Semasa atau kerana orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;
 - c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengepungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
 - d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan penumpang) untuk tujuan perniagaan;

- e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti di dalam air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
- f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk;
- g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria; atau
- k) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis mengenai tuntutan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.
- 5.2 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil yang sah.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD adalah bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
 - e) Apabila sijil insurans diserahkan;
 - f) Pada ulang tahun sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
 - g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – Kecurian ragut

1. Takrifan

- 1.1 Dalam manfaat tambahan ini, **kecurian ragut** bermaksud tindakan yang tidak jujur dalam mengambil harta mudah alih yang dimiliki oleh orang lain, tanpa mendapatkan kebenaran orang tersebut dan dilakukan secara tersembunyian, kejutan dan paksaan, dengan niat untuk merampas secara kekal harta itu daripada orang tersebut.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

- 2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

- 3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah kami menerima bukti yang memuaskan bahawa orang yang diinsuranskan menjadi mangsa kecurian ragut (seperti ditakrifkan) dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 3.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada pelaporan kejadian tersebut kepada polis dalam tempoh 24 jam selepas kejadian tersebut berlaku. Sebarang tuntutan mestilah disertakan dengan dokumen bertulis yang dikeluarkan oleh pihak polis.
- 3.4 Manfaat ini adalah tidak kumulatif dan hanya akan dibayar sekali pada setiap tahun sijil, tidak melebihi satu tuntutan bagi setiap peristiwa kemalangan.
- 3.5 Manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi induk ini.
- 3.6 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkenaan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium yang perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

4. Pengecualian-pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian kemalangan yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiian atau secara sengaja;
 - b) Semasa atau kerana orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;

- c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengempungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
- d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
- e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti di dalam air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
- f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk;
- g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria; atau
- k) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis mengenai tuntutan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.
- 5.2 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil yang sah.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD adalah bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;

- d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
- e) Apabila sijil insurans diserahkan;
- f) Pada ulang tahun sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
- g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – Patah tulang

1. Takrifan

- 1.1 Dalam manfaat tambahan ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:
- a) **Kehelan** bermaksud anjakan sepenuhnya atau separa pada tulang yang membentuk sendi yang memerlukan penggantian oleh doktor/pakar bedah.
 - b) **Doktor atau pakar perubatan atau pakar bedah** bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang mana sewaktu menjalankan rawatan, mengamalkan menurut skop lesen dan latihan beliau di kawasan amalannya, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan sendiri.
 - c) **Fraktur** bermaksud patah sepenuhnya atau separa pada tulang yang bersambungan.
 - d) **Kecederaan** bermaksud kecederaan tubuh yang hanya disebabkan oleh kemalangan.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

- 2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

- 3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kecederaan orang yang diinsuranskan akibat kemalangan yang menyebabkan patah tulang/kehelan dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 3.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada kecederaan ke atas orang yang diinsuranskan berlaku akibat kemalangan dan dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan.
- 3.4 Perlindungan untuk manfaat ini termasuk:
- a) fraktur vertebrata tulang belakang;
 - b) fraktur pinggul;
 - c) fraktur tengkorak;
 - d) fraktur dalam peha, bahagian kaki bawah, lengan dan tangan;
 - e) fraktur lain (termasuk pergelangan tangan, tangan dan kaki tetapi tidak termasuk jari, ibu jari, jari kaki, lutut); dan
 - f) kehelan bahu, siku, pergelangan tangan, pinggul, lutut dan buku lali.

- 3.5 Manfaat ini adalah tidak kumulatif dan hanya akan dibayar sekali pada setiap tahun sijil, tidak melebihi satu tuntutan bagi setiap peristiwa kemalangan.
- 3.6 Manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi induk ini.
- 3.7 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkenaan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium yang perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

4. Pengecualian-pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian kemalangan yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:
 - a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiannya atau secara sengaja;
 - b) Semasa atau kerana orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;
 - c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengepungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
 - d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
 - e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti di dalam air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
 - f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk;
 - g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
 - h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
 - i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;

- j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria;
- k) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada;
- l) Terlibat di dalam tugas/latihan komando atau pelupusan bom, tugas aktif ketenteraan seperti mengekalkan ketenteraman awam, penglibatan dalam pertempuran, sama ada perang diisytiharkan atau tidak, dan perjalanan menggunakan kapal terbang atau kapal air tentera. Pengecualian ini membatalkan semua terma dan peruntukan lain yang berkaitan dengan perkhidmatan ketenteraan;
- m) Kecederaan akibat melakukan, percubaan atau provokasi serangan;
- n) Sebarang kecederaan/fraktur/kehelan yang disebabkan oleh keadaan perubatan atau rawatannya secara langsung atau tidak langsung;
- o) Berkeadaan tidak sempurna akal, gangguan mental atau personaliti; atau
- p) Sebarang fraktur yang disebabkan oleh osteoporosis atau fraktur patologi, jika osteoporosis atau penyakit tulang didiagnos sebelum tarikh berkuatkuasa sijil ini atau tarikh pengembalian semula (yang mana lebih awal).

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis mengenai tuntutan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.
- 5.2 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil yang sah.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan ditamatkan apabila berlaku mana-mana keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD adalah bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
 - e) Apabila sijil insurans diserahkan;
 - f) Pada ulang tahun sijil sejurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
 - g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – Pendapatan hospital harian akibat semua sebab

1. Takrifan

- 1.1 Dalam manfaat tambahan ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:
- a) **Doktor** atau **pakar perubatan** atau **pakar bedah** bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang mana sewaktu menjalankan rawatan, mengamalkan menurut skop lesen dan latihan beliau di kawasan amalannya, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan sendiri.
 - b) **Hospital** hanya bermaksud sebuah pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit-katil yang membayar, dan yang mana:
 - i) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
 - ii) menyediakan khidmat penjagaan 24 jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan telah tamat pengajiannya;
 - iii) adalah di bawah pengawasan pakar perubatan; dan
 - iv) terutamanya bukan klinik, tempat untuk orang yang ketagihan alkohol atau dadah; pusat penjagaan, rumah rehat atau pemulihan, atau rumah untuk orang tua atau pertubuhan yang seumpamanya.
 - e) **Kemasukan hospital** bermaksud kemasukan ke hospital sebagai pesakit dalam wad yang didaftar untuk rawatan yang diperlukan dari segi perubatan ke atas hilang upaya yang dilindungi selepas dicadangkan oleh pakar perubatan. Seseorang pesakit tidak akan dianggap sebagai pesakit dalam wad jika pesakit tidak tinggal di hospital secara fizikal bagi tempoh keseluruhan kemasukannya.
 - f) **Diperlukan dari segi perubatan** bermaksud khidmat perubatan yang:
 - i) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan lazim untuk hilang upaya yang dilindungi;
 - ii) selaras dengan piawaian amalan perubatan yang baik, konsisten dengan piawaian semasa penjagaan perubatan profesional dan manfaat perubatan yang terbukti;
 - iii) bukan untuk keselesaan orang yang diinsuranskan atau doktor, dan tidak boleh dilakukan dengan sewajarnya di luar hospital (jika dimasukkan sebagai pesakit dalam wad);
 - iv) bukan berbentuk eksperimen, penyiasatan atau penyelidikan, pencegahan atau saringan; atau
 - v) yang mana caj dikenakan adalah wajar dan berpatutan serta lazim untuk hilang upaya.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

- 2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

- 3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, sekiranya kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kemasukan hospital orang yang diinsuranskan akibat kemalangan atau penyakit, dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 3.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada:
- a) tempoh kemasukan hospital minimum adalah 6 jam;
 - b) kemasukan hospital berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan; dan
 - c) kemasukan hospital adalah diperlukan dari segi perubatan.
- 3.4 Manfaat ini akan dibayar setakat kemasukan hospital maksimum 60 hari setiap tahun sijil.
- 3.5 'Bilangan hari kemasukan hospital' adalah berdasarkan hari pihak hospital mengenakan caj. Sekiranya orang yang diinsuranskan pernah dimasukkan ke dua atau lebih hospital dalam satu hari calendar, kami, selepas kelulusan, akan membayar satu manfaat pendapatan hospital harian sahaja bagi setiap hari calendar kemasukan hospital.
- 3.6 Perlindungan termasuk mana-mana hospital swasta atau kerajaan, wad umum dan penjagaan khas.
- 3.7 Manfaat ini adalah tidak kumulatif. Walau bagaimanapun, manfaat yang telah dibayar akan dikuatkuasakan semula pada setiap tarikh ulangtahun sijil, tertakluk kepada terma-terma dan peruntukan-peruntukan polisi induk ini..
- 3.8 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

4. Pengecualian-pengecualian

- 4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kemasukan hospital disebabkan oleh mana-mana kejadian yang berikut secara langsung atau tidak langsung:
- a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiian atau secara sengaja;
 - b) Semasa berada di bawah pengaruh dadah atau sebarang narkotik atau disebabkan oleh minuman keras dan/atau bahan yang memabukkan;

- c) Perbuatan jenayah, penglibatan dalam pelanggaran undang-undang (kecuali sebagai parti yang tidak bersalah) atau menjadi ahli organisasi haram;
- d) Peperangan, serangan, tindakan permusuhan asing, pertempuran atau operasi semacam peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, perang persaudaraan, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kekacauan awam yang mengandaikan pembahagian atau membawa kepada kebangkitan, ketenteraan atau rampasan kuasa.
- e) Penyertaan dalam sebarang sukan atau hobi atau aktiviti yang berbahaya, termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti udara, terjun lelabah, memanjat batu atau mendaki gunung, aktiviti dalam air, sebarang perlumbaan selain daripada perlumbaan kaki.
- f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk;
- g) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- h) Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), penyakit berkaitan dengan AIDS, orang yang diinsuranskan dijangkit oleh Virus Kurang Imun Manusia (HIV);
- i) Bersalin, kehamilan dan komplikasi yang berkaitan dengannya;
- j) Sebarang rawatan atau pembedahan bagi keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- k) Sebarang keadaan sedia ada (seperti ditakrifkan);
- l) Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang wujud dalam masa menunggu, 30 hari dari tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana terkemudian, kecuali kemasukan hospital akibat kemalangan.
- m) Penyakit tertentu berlaku dalam masa 120 hari pertama dari tarikh sijil dikeluarkan. Walau bagaimanapun, jika berlaku perlindungan dihentikan dalam tempoh perlindungan sebelum tarikh tamat masa 120 hari tersebut, tempoh yang baru selama 120 hari akan dikenakan semula dari tarikh pengembalian semula.

Penyakit tertentu bermaksud hilang upaya yang berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya:

- Tekanan darah tinggi, kencing manis dan penyakit kardiovaskular;
 - Semua ketumbuhan, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem kencing dan sistem biliari;
 - Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan keadaan tekak kecuali selsema dan sakit tekak;
 - Hernia, hemoroid, fistula, hidrosele, varikosele;
 - Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan; dan
 - Gangguan spina vertebro (termasuk diska) dan keadaan lutut.
- n) Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali disebabkan oleh kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang berlaku sepenuhnya dalam tahun sijil;
 - o) Kemasukan hospital yang bertujuan terutamanya untuk penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan X-ray, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak diperlukan dari segi perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau

pemeriksaan pencegahan yang dilakukan oleh pakar perubatan, dan rawatan yang khususnya untuk pengurangan atau penambahan berat badan;

- p) Penyiasatan dan rawatan bagi masalah tidur dan berdengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan kiropraktik akupunktur, akupresur, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, terapi urutan atau aroma atau rawatan alternatif yang lain;
- q) Pembedahan plastik/kosmetik, penyunatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembiasan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (Keratomi Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan peralatan prostetik luaran atau peralatan seperti tangan dan kaki palsu, alat bantuan pendengaran, alat perentak jantung yang diimplan dan preskripsinya;
- r) Penjagaan persendirian, pemulihan secara rehat atau penjagaan kebersihan, penyakit kelamin dan komplikasinya, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang;
- s) Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi psikologikal atau psikomatik); atau
- t) Kemasukan hospital untuk prosedur menukar jantung.

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis mengenai tuntutan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kejadian yang dilindungi berlaku.
- 5.2 Bukti tuntutan yang memuaskan perlu diberikan sebelum kami mempertimbangkan tuntutan ini atas perbelanjaan pemilik sijil atau wakil yang sah.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan tamat dalam mana-mana keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat kematian;
 - c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
 - d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
 - e) Apabila sijil insurans diserahkan;
 - f) Pada ulang tahun bulanan sijil sejourus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
 - g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – Kematian akibat kemalangan dalam pengangkutan awam

1. Takrifan

1.1 Dalam manfaat tambahan ini, **Pengangkutan awam** bermaksud:

- a) sebarang bas awam, bas awan ringan, bas persiaran, teksi, feri, hoverkraf, hydrofoil, kapal, kereta api, trem, kereta api bawah tanah atau kereta kabel yang disediakan dan dikendalikan oleh syarikat pengangkutan berlesen sebagai pengangkutan biasa bagi penumpang berbayar;
- b) sebarang limosin lapangan terbang berjadual yang beroperasi dengan laluan tetap dan berjadual; atau
- c) sebarang kapal terbang komersil berjadual.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah kami menerima bukti yang memuaskan mengenai kematian akibat kemalangan orang yang diinsuranskan ketika beliau menggunakan pengangkutan awam dan pengangkutan awam tersebut terlibat dalam kemalangan yang sama dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar tambahan 100% daripada jumlah manfaat kematian akibat kemalangan seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.

3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil berhutang kepada kami.

3.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada kematian orang yang diinsuranskan berlaku dalam masa 180 hari dari tarikh kemalangan.

3.4 Sekiranya terdapat tuntutan diluluskan di bawah manfaat ini, kelayakan diskaun tiada tuntutan (yang mana berkaitan) akan dilupuskan, berkuatkuasa dari tarikh ulang tahun sijil seterusnya, daripada semua premium perlu dibayar sepanjang tahun sijil tersebut, dan pemantauan pengalaman tuntutan akan dinilai semula dari tarikh ulang tahun sijil tersebut.

4. Pengecualian-pengecualian

4.1 Tiada manfaat akan dibayar jika kejadian kemalangan yang dilindungi disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana kejadian yang berikut:

- a) Membunuh diri, percubaan membunuh diri atau mencederakan/membahayakan diri sendiri tanpa mengambil kira keadaan mental orang yang diinsuranskan, pendedahan kepada risiko atau bahaya secara keterlaluan akibat kecuaiian atau secara sengaja;
- b) Semasa atau kerana orang yang diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik dan/atau dadah atau menyertai sebarang tindakan jenayah atau pergaduhan;

- c) Penglibatan secara langsung atau tidak langsung di dalam, atau sebagai mangsa, sebarang bentuk peperangan, keganasan, sebarang aktiviti menyalahi undang-undang, atau mendahagi atau rampasan kuasa, pemberontakan tentera, penentangan, konspirasi, rampasan atau kuasa tentera, pemerintahan tentera atau darurat, pengempungan atau sebarang peristiwa atau punca yang menentukan perisytiharan atau penggunaan pemerintahan tentera atau darurat; dan sebarang tindakan mana-mana orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi dengan aktiviti yang menjurus kepada penggulingan secara paksa atau sebarang kerajaan de jure atau de facto;
- d) Perjalanan dalam mana-mana kapal terbang, kecuali sebagai penumpang tambang berbayar dalam kapal terbang komersil berjadual biasa atau menunggang motosikal (kedua-dua sebagai penunggang dan pembonceng) untuk tujuan perniagaan;
- e) Terlibat dalam sebarang aktiviti berbahaya termasuk seni mempertahankan diri, tinju, luncur angin, payung terjun, luncur, menyelam skuba, terjun bungee, perlumbaan motor, terjun udara, mendaki gunung, memanjat batu atau aktiviti di dalam air dengan kedalaman lebih daripada 30 meter melibatkan penggunaan peralatan pernafasan;
- f) Semasa terlibat dalam aktiviti sukan profesional dalam apa jua bentuk;
- g) Berkhidmat secara aktif dalam mana-mana tentera laut, tentera darat, tentera udara, pasukan ketenteraan, perkhidmatan bomba, pertahanan awam, polis atau organisasi penguatkuasaan undang-undang;
- h) Pendedahan dari sebarang bahan radiasi dari sebarang sumber;
- i) Hernia, jangkitan, penyakit, kehamilan, kelahiran anak, keguguran atau keracunan makanan, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC), keadaan atau masalah fizikal sedia ada dan komplikasi secara langsung atau tidak langsung daripadanya;
- j) Sebarang jangkitan virus, parasit atau bakteria; atau
- k) Sebarang kecacatan atau ketidakupayaan fizikal atau mental yang sedia ada.

5. Prosedur tuntutan

- 5.1 Pemilik sijil atau wakil yang sah perlu menghantar notis bertulis kepada kami dalam tempoh 30 hari untuk membuat tuntutan manfaat kematian selepas kematian berlaku.
- 5.2 Kami juga memerlukan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk menilai tuntutan dengan secepat mungkin.
- 5.3 Kami hanya akan menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang kami perlukan.

6. Penamatan manfaat

- 6.1 Manfaat ini akan tamat dalam mana-mana keadaan terawal yang berikut:
 - a) Apabila orang yang diinsuranskan meninggal dunia;
 - b) Apabila pembayaran manfaat TPD di mana manfaat TPD bersamaan dengan manfaat

kematian;

- c) Apabila tiada pembayaran premium atau premium masih belum dibayar pada akhir tempoh tenggang;
- d) Apabila sijil insurans dibatalkan;
- e) Apabila sijil insurans diserahkan;
- f) Pada ulang tahun bulanan sijil sejurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-70; atau
- g) Seperti yang dinyatakan di bawah peruntukan manfaat dalam polisi induk.

Peruntukan manfaat tambahan – Pendapatan mingguan akibat kemalangan

1. Takrifan

- 1.1 Dalam manfaat tambahan ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya:
- a) **Doktor** atau **pakar perubatan** atau **pakar bedah** bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang mana sewaktu menjalankan rawatan, mengamalkan menurut skop lesen dan latihan beliau di kawasan amalannya, tetapi tidak termasuk doktor atau pakar perubatan atau pakar bedah yang merupakan orang yang diinsuranskan sendiri.
 - b) **Kecederaan** bermaksud kecederaan tubuh yang hanya disebabkan oleh kemalangan.
 - c) **Hilang upaya menyeluruh sementara** bermaksud hilang upaya sepenuhnya secara sementara dan berterusan yang menghalang orang yang diinsuranskan daripada menjalankan perkara dan tugas asas yang berkaitan dengan perniagaan atau pekerjaannya, seperti yang disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar dalam masa 20 hari dari tarikh kemalangan.

2. Penguatkuasaan manfaat tambahan

- 2.1 Manfaat tambahan ini hanya akan berkuatkuasa jika ia dinyatakan dan disertakan dalam sijil insurans.

3. Deskripsi manfaat

- 3.1 Tertakluk kepada peruntukan am polisi induk, sewaktu sijil insurans berkuatkuasa, setelah kami menerima bukti yang memuaskan mengenai hilang upaya menyeluruh dan sementara (seperti ditakrifkan) orang yang diinsuranskan akibat kemalangan dan apabila tuntutan tersebut diluluskan, kami akan membayar jumlah manfaat seperti yang dinyatakan di dalam sijil insurans atau sebarang pengendorsan yang meminda jumlah manfaat.
- 3.2 Kami akan menolak sebarang amaun yang pemilik sijil terhutang kepada kami.
- 3.3 Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada hilang upaya menyeluruh sementara orang yang diinsuranskan berlaku dalam masa 20 hari dari tarikh kemalangan dan tempoh hilang upaya adalah minimum 24 jam secara berterusan.
- 3.4 Tempoh manfaat pendapatan mingguan yang perlu dibayar berkecualan dengan sebarang kecederaan akibat kemalangan tidak seharusnya melebihi 52 minggu dari tarikh pertama orang yang diinsuranskan didiagnosis oleh doktor/pengamal am.
